

Syor tubuh Suruhanjaya Siasatan Diraja tangani penerokaan haram

Kegiatan tanah runtuh dan banjir lumpur yang berlaku di Cameron Highlands bukannya sesuatu yang luar biasa. Malah ia boleh dikatakan berlaku hampir saban tahun, terbaru ialah Oktober tahun lalu. Antara punca utama ialah penerokaan tanah secara haram bagi kegiatan pertanian di mana kawasan bukit ditarah tanpa mengambil kira faktor kestabilan cerun dan langkah mencegah hakisan, pembukaan kawasan pertanian selain peningkatan populasi menjurus kepada pembinaan rumah kongsi atau setinggan haram di tebing Sungai Bertam.

Faktor lain ialah pembinaan rumah dan premis perniagaan secara haram, terutama di lereng bukit dan cerun berbahaya serta masalah mendapan dan sampah sarap yang berlaku di kawasan air seperti dalam sungai dan tasik. Ini diburukkan dengan isu banjir beribu-ribu pendatang asing tanpa izin.

Tindakan tegas ke atas pendatang haram

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tegas untuk bertindak terhadap pendatang tanpa izin yang dikatakan mencerooboh dan menyumbang kepada kemusnahan di Cameron Highlands serta pihak tidak bertanggungjawab melindungi penjenayah alam sekitar serta pendatang terbabit.

Kini, pelbagai langkah mula diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah terbabit sep-



Penerokaan tanah secara haram bagi kegiatan pertanian menjejaskan ekosistem di Cameron Highlands.

[GAMBAR HIASAN]

erti pelancaran operasi besar-besaran bagi mencari pendatang tanpa izin berkenaan. Pihak yang berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan lain-lain agensi juga telah dilihat sedang giat menjalankan siasatan mengenai tragedi terbabit.

Maka bolehlah dicadangkan di sini supaya diwujudkan sebuah 'Suruhanjaya Siasatan Diraja' bagi menyiasat perkara terbabit dengan lebih terperinci lagi. DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong (YDPA) boleh memberi perkenan terhadap cadangan jika dimohon daripada pihak kerajaan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya siasatan seperti yang termaktub di bawah di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 (Akta 119).

Seksyen Akta 119 jelas mempe-
runtukkan bahawa YDPA boleh, jika didapati sesuai dan memberi manfaat, mengeluarkan suatu tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa Pesuruhjaya itu untuk menyiasat (a) kelakuan manamana pegawai persekutuan; (b)

penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Malaysia; (c) pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata disenggarakan dengan kumpulan wang negeri; atau (d) apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat YDPA, berfaedah bagi kebajikan awam. Penubuhan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja ini bukanlah satu perkara yang baharu dalam negara kita, ia telah dilaksanakan banyak kali setiap kali wujudnya isu membabit keselamatan nasional serta kesejahteraan dan kebajikan awam.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
bh.com.my**

Maklumat hasil siasatan

Contohnya, Suruhanjaya Siasatan Diraja yang menyiasat isu mengenai pendatang asing Sabah pada 2012. Dengan wujudnya Suruhanjaya Siasatan Diraja ini, maka tragedi yang sering berlaku di sekitar kawasan Cameron Highlands terbabit dapat dijalankan dengan adil serta teliti oleh pihak pesuruhjaya siasatan yang terdiri daripada golongan berpengalaman, pakar dan profesional serta berkecuali bagi merungkai segala isu yang dikatakan berlaku di sana.

Hasil daripada siasatan itu sudah pasti dapat membantu pihak kerajaan bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan bagi mengenalpasti punca tragedi dengan lebih dekat serta mengambil langkah proaktif bagi membendung masalah daripada berulang. Penubuhan suruhanjaya terbabit juga akan dilihat oleh semua rakyat komitmen serius dari pihak kerajaan untuk menyelesaikan segala isu dan polemik yang banyak dibangkitkan oleh pelbagai pihak mengenai tragedi banjir lumpur dan tanah runtuh di Cameron Highlands.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia